

# NITROFURANTOIN



MINISTRY OF HEALTH  
SINGAPORE



## MENGENAL ubat anda

Nitrofurantoin merupakan suatu antibiotik yang digunakan untuk mencegah dan merawat jangkitan-jangkitan saluran air kencing.

## BAGAIMANAKAH saya mengambil ubat ini?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu berdasarkan pada keterukan keadaan anda.

Nitrofurantoin paling baik diambil dengan makanan atau susu. Ini boleh mengurangkan ketidakselesaan perut dan membantu badan anda untuk menyerap ubat dengan baik.

Teruskan pengambilan ubat ini sepanjang masa rawatan walaupun anda sudah mula berasa keadaan anda bertambah baik selepas beberapa hari.

Jangan mengambil ubat dengan antasid kerana ini mungkin mengurangkan penyerapan Nitrofurantoin.

## Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila panggil doktor anda untuk periksa dengan doktor apa yang patut anda buat.

## Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin untuk ubat ini?

Perubahan warna kulit muka, kesakitan dada, menggigil, batuk, demam dan perasaan ketidakselesaan atau kesakitan pada umumnya, suara menjadi parau, kegatalan, kesakitan sendi atau otot, sukar pernafasan, ruam kulit, sukar menelan atau bernafas yang mendadak, kebengkakan muka, mulut, tangan atau kaki serta masalah pernafasan mungkin berlaku. Jika ini berlaku, periksa dengan doktor anda dengan segera.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak  
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

Mual, cirit-birit dan angin perut mungkin berlaku. Ubat ini mungkin menyebabkan air kencing menjadi kuning keperangan. Kesan-kesan sampingan ini biasanya tidak memerlukan rawatan.

Ubat ini mungkin menyebabkan keguguran lambat buat sementara pada sesetengah orang.

## Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor jika

- anda menghadapi penyakit seperti kekurangan G6PD dan penyakit buah pinggang.
- anda menghadapi penyakit kencing manis. Ubat ini mungkin menyebabkan keputusan palsu untuk sesetengah ujian gula air kencing. Periksa dengan doktor anda sebelum perubahan makanan atau dos untuk ubat kencing manis anda.
- anda sedang mengambil sesetengah ubat lain, sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.
- anda alahan terhadap sebarang ubat-ubat lain atau jika anda berlakunya alahan semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.
- simptom-simptom anda tidak bertambah baik atau bertambah buruk dalam masa beberapa hari.
- anda sedang menyusui anak, hamil atau mungkin hamil semasa khusus rawatan dengan ubat ini.

## Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan menyimpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.

